

Cadangan atlet paralimpik terima faedah sama seperti atlet normal

KBS bakal sedia kertas kerja

DE 16.9.16 8

Ricardo Unto

KOTA KINABALU: Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mencadangkan supaya atlet paralimpik menerima pengiktirafan dan faedah sama yang diberikan kepada rakan atlet normal di Sabah.

Menteri Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan berkata kementeriannya akan menyediakan kertas kerja tentang perkara itu untuk dikemukakan kepada Kabinet Sabah tidak lama lagi dan yakin cadangan itu akan diterima.

"Saya mengalu-alukan langkah Kementerian Belia dan Sukan Persekutuan (dalam memberi insentif sama) kerana pengorbanan yang dibuat oleh atlet paralimpik adalah sama dengan atlet normal.

"Malah saya fikir pengorbanan mereka lebih besar kerana mereka menghadapi banyak cabaran, sama ada dari segi intelektual atau fizikal... mereka memerlukan sesuatu yang 'luar biasa' dari dalam diri mereka untuk mengatasi cabaran itu.

"Dan ia hanya wajar untuk mereka diberi pengiktirafan sama, jika bukan lebih, seperti atlet normal," katanya selepas menyaksikan satu penandatanganan memorandum persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Special Olympics Sabah (SOS), di sini, Khamis.

MoU tersebut ditandatangani oleh Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Presiden SOS Datuk Safari Manan.

Menyebut Sukan Malaysia (Sukma) baru-baru ini, Tawfiq berkata Kerajaan Sabah memberi insentif sebanyak RM5,000 bagi setiap pingat emas yang atlet normal perolehi sementara atlet paralimpik hantara diberikan RM1,000 bagi setiap pingat emas.

Kementerian Belia dan Sukan Persekutuan telah menyediakan skim insentif untuk atlet paralimpik dan atlet normal sejak tiga tahun lalu.



TAWFIQ menyaksikan pertukaran dokumen MoU oleh Mohd Harun (kedua dari kiri) dan Safari (kedua dari kanan).

Menterinya, Khairy Jamaluddin membangkitkan perkara itu semasa satu mesyuarat lembaga Majlis Sukan, menekankan perbezaan besar dalam ganjaran adalah tidak adil.

Tawfiq juga berkata Kementeriannya memberi bantuan sedemikian dalam pembangunan sukan

dalam kalangan warga kelainan upaya di Sabah.

"Malah kami mengadakan kerjasama dengan kementerian lain untuk mengenal pasti serta membangunkan bakat sukan mereka selain peluang untuk menganjurkan acara sukan bagi mereka.

"Majlis Sukan Negara (MSN) Sabah juga menyedi-

akan dana untuk mereka mengambil bahagian dalam sebarang acara sukan... dan apabila mereka meraih pencapaian cemerlang, kami memberi mereka ganjaran."

Berhubung MoU itu, Tawfiq memuji usaha UMS, mengatakan inisiatif seperti itu harus dicontohi oleh institusi pengajian tinggi yang lain.

"Melalui MoU itu, UMS akan menyediakan kemahiran dan infrastrukturnya untuk membangunkan sukan dalam kalangan atlet istimewa di Sabah.

"Usaha ini harus disokong dan dipuji, dan kerajaan mengalu-alukannya kerana ia juga pasti akan disambut baik oleh masyarakat.

"MoU juga akan memberi peluang lebih luas kumpulan insan istimewa ini menggilap bakat ke tahap lebih tinggi.

"Pada masa yang sama, ia akan mewujudkan satu platform untuk ahli akademik dan pelajar melibatkan diri dalam kesukarelawanan untuk membantu orang-orang kelainan upaya.

"Saya berharap usaha ini akan diteruskan dan dipertingkatkan," katanya.

Menurut beliau, kerjasama sedemikian bukan saja terhad kepada pembangunan sukan kerana institusi pengajian tinggi juga boleh meneroka bidang lain untuk menyediakan pembinaan kapasiti bagi warga kelainan upaya.

Pada majlis sama, Tawfiq juga melancarkan program FunFitness, satu program penilaian kecergasan fizikal dan senaman bagi orang kelainan upaya.

Ia bertujuan untuk mendidik atlet istimewa, keluarga serta jurulatih tentang kepentingan setiap komponen kecergasan fizikal.

UMS adalah perintis program FunFitness di wilayah Asia-Pasifik.